

## Lembaran Maklumat Produk – Bil Berdokumen untuk Pungutan-i

### LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima produk Bil Berdokumen untuk Pungutan-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

### Bil Berdokumen untuk Pungutan-i (DC-i)

<Tarikh>

### 1. Apa kemudahan Bil Berdokumen untuk Pungutan-i (DC-i)?

- ✓ DC-i ialah sejenis perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk membantu memungut bayaran bagi pengeksport atau membuat bayaran kepada pengimport.
- ✓ DC-i pada dasarnya adalah salah satu kaedah penyelesaian perdagangan yang diterima secara meluas untuk memudahkan penjual/pengeksporth memperoleh bayaran bagi penjualan/eksport mereka. DC-i biasanya merujuk pengendalian dokumen oleh Bank mengikut arahan yang diterima, untuk:
  - a. Mendapatkan bayaran dan/atau penerimaan; atau
  - b. Menyampaikan dokumen untuk pembayaran dan/atau dokumen untuk penerimaan; atau
  - c. Menghantar dokumen berdasarkan terma dan syarat lain.

#### **Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i)**

IBC-i adalah berdasarkan kontrak Wakalah, yang menetapkan hubungan agensi dengan Bank dilantik untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak bank pengeksport. Dokumen akan disalurkan oleh pengeksport melalui jurubanknya kepada Bank untuk mengemukakan dokumen tersebut kepada anda. Sebagai pertukaran untuk dokumen tersebut, anda dikehendaki membuat bayaran dengan segera atau bersetuju untuk membayar pada tarikh akan datang. Bank bertindak sebagai ejen pemungut bagi Bank Pengirim (bank pengeksport).

#### **Bil Keluar untuk Pungutan-i (OBC-i)**

OBC-i adalah berdasarkan kontrak Wakalah. Ia adalah hubungan agensi dengan Bank Islam bertindak sebagai ejen anda untuk menghantar dokumen pengangkutan berserta dokumen komersil/dokumen kewangan kepada pembeli/bank pengimport di seluruh dunia untuk bayaran daripada pengimport/pembeli.

- ✓ Operasi DC-i berpandukan *Uniform Rules for Collections* yang diterbitkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (ICC). URC ialah sekumpulan peraturan antarabangsa yang standard untuk membantu jurubank, pembeli dan penjual dalam proses pungutan.
- ✓ Tiada kemudahan pembiayaan diperlukan bagi pengimport/pengeksporth untuk mengakses perkhidmatan DC-i. Walau bagaimanapun, pengimport/pengeksporth mestilah terdiri daripada pelanggan Bank sedia ada.

### 2. Apakah Kontrak/ Konsep Syariah yang digunakan?

- ✓ DC-i disediakan berdasarkan konsep Syariah Wakalah (Agensi) dengan Ujrah (FI). Di bawah konsep Wakalah, Bank Pengirim dan Bank Pemungut bertindak sebagai ejen pengeksport. Barangan/ benda dengan nilai boleh jual yang terlibat haruslah tidak dilarang oleh Syariah. Bank akan mengenakan fi untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank.
- ✓ Struktur produk bagi IBC-i adalah seperti berikut:

No	Penerangan
1	Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport menghantar barangan kepada Pesuruh bayar/Pengimport.
2	Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport mengemukakan dokumen kepada Bank Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport (Bank Pengirim) untuk pungutan.
3	Bank Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport (Bank Pengirim) mengirinkan dokumen kepada Bank Penyuruh Bayar/Pengimport (Bank Pemungut/Penyerah - Bank Islam). Sekiranya semua dokumen lengkap, ia akan menasihatkan Penyuruh Bayar/Pengimport untuk membuat bayaran atau menerima draf.
4	(a) Penyuruh Bayar/pengimport membuat bayaran/penerimaan kepada Bank Penyuruh Bayar/Pengimport (Bank Islam) dan mengambil dokumen tersebut. (b) Bank Penyuruh Bayar/Pengimport (Bank Islam) memberikan dokumen penghantaran dan dokumen lain kepada Penyuruh Bayar/Pengimport setelah menerima bayaran/penerimaan daripada Penyuruh Bayar/Pengimport.
5	Bank Penyuruh Bayar/ Pengimport (Bank Islam) membuat bayaran kepada Bank Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport (Bank Pengirim) berdasarkan arahan pembayaran.
6	Bank Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport membuat bayaran kepada Prinsipal/Penyuruh Bayar/Pengeksport.

- ✓ Struktur produk bagi OBC-i (Kredit Berdokumen) adalah seperti berikut:

No	Penerangan
1	Pengeksport/benefisiari menghantar barang niaga kepada pengimport/pemohon.
2	Pengeksport / beneficiari mengemukakan dokumen kepada Bank Islam (Bank Penama) untuk pungutan.
3	Sekiranya Bank Islam (Bank Penama) bersetuju, ia akan menghantar dokumen tersebut kepada bank pengimport (Bank Pengeluar) di bawah pungutan.
4	(a) Bank Pengimport (Bank Pengeluar) meneliti dokumen tersebut sama ada ianya mematuhi terma dan syarat Kredit Berdokumen. Bank Pengimport (Bank Pengeluar) memberitahu Pengimport/Pemohon mengenai ketibaan dokumen dan meminta penerimaan/pembayaran. Pengimport/pemohon membuat bayaran kepada Bank Pengimport (Bank Pengeluar). (b) Bank Pengimport (Bank Pengeluar) mengeluarkan dokumen penghantaran berserta dokumen lain kepada Pengimport/Pemohon setelah menerima penerimaan/pembayaran daripada Pengimport/Pemohon.
5	Bank Pengimport (Bank Pengeluar) memaklumkan kepada Bank Islam (Bank Penama) mengenai penerimaan dokumen tersebut. Bank pengimport (Bank Pengeluar) membuat

	bayaran kepada Bank Islam (Bank Penama) berdasarkan arahan pembayaran.
6	Bank Islam (Bank Penama) menerima dana daripada Bank Pengimport (Bank Pengeluar) dan membuat bayaran kepada Pengeksport/Benefisiari.

✓ Struktur produk bagi OBC-i (untuk Pungutan) adalah seperti berikut:

No	Penerangan
1	Pengeksport/Prinsipal menghantar barangan kepada Pengimport/Pesuruh Bayar.
2	Pengeksport/Prinsipal mengemukakan dokumen kepada Bank pengeksport (Bank Pengirim - Bank Islam) untuk pungutan.
3	Bank Pengeksport (Bank Islam) menghantar dokumen kepada Bank Pemungut/Bank Penyerah bagi Pengimport.
4	(a) Bank Pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah) memberitahu Pengimport/Pesuruh Bayar mengenai ketibaan dokumen dan meminta penerimaan/pembayaran. Pengimport/Pesuruh Bayar menerima draf daripada Bank Islam (Bank Pengirim) dan membuat bayaran kepada Bank pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah). (b) Bank Pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah) memberikan dokumen penghantaran berserta dokumen lain kepada Pengimport/Pesuruh Bayar selepas menerima penerimaan/pembayaran daripada Pengimport/Pesuruh Bayar.
5	Bank pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah) memaklumkan Bank Islam (Bank Pengirim) mengenai penerimaan dokumen tersebut. Bank Pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah) membuat bayaran kepada Bank Islam (Bank Pengirim) berdasarkan arahan pembayaran.
6	Bank Islam (Bank pengirim) menerima dana daripada Bank Pengimport (Bank Pemungut/Bank Penyerah) dan membuat bayaran kepada Pengeksport/Prinsipal.

### 3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

- ✓ Perniagaan/syarikat anda boleh mempunyai kaedah perdagangan antarabangsa yang mudah dan lebih efektif dari segi kos, tertakluk kepada peraturan antarabangsa yang standard. Di bawah DC-i, dokumen dan pembayaran diproses melalui sistem perbankan. Pengimport mempunyai jaminan bahawa barangan telah dihantar/tiba sebelum pembayaran dibuat, manakala pengeksport akan menyimpan dokumen komersil sehingga syarat pungutan dipenuhi.

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- ✓ Tanggungjawab anda adalah untuk memastikan bahawa perdagangan adalah urusan niaga tulen dan melaksanakan tanggungjawab anda di bawah kontrak jualan barangan.

### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- ✓ Yuran dan Komisen.
- ✓ Caj SWIFT / Rentas (Jika ada)
- ✓ Bayaran pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (Jika ada).

**Nota:** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

### 6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- ✓ Oleh sebab tidak ada pembiayaan yang terlibat pada peringkat pungutan, Bank hanya bertindak sebagai 'ejen' untuk perniagaan/ syarikat anda. Tanggungjawab utama anda adalah terhadap pembekal/pembeli

anda dan memastikan urusan niaga perdagangan diselesaikan dengan jayanya. Namun, jika syarikat/perniagaan anda menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab ini dengan pembeli/pembekal anda, hubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembiayaan yang ada.

## 7. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- ✓ Perlindungan tidak diwajibkan. Namun begitu, anda atau pembekal/pembeli anda dinasihatkan untuk mengambil apa-apa perlindungan Takaful yang sesuai.

## 8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- ✓ Penjamin atau cagaran tidak diperlukan untuk kemudahan ini.

## 9. Apakah risiko utama saya?

- ✓ Tidak ada risiko dari segi perkhidmatan yang disediakan oleh Bank di bawah DC-i ini.
- ✓ Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko komersil yang terlibat di bawah DC-i. Bagi pengimport, jika pembayaran telah dilakukan terhadap Dokumen bagi Pembayaran(D/P), pengimport berhadapan dengan risiko barang yang dihantar berkualiti rendah atau tidak memenuhi jangkaan. Bagi pengeksport, risikonya adalah tidak ada jaminan pembayaran daripada pembeli jika pembayaran telah dibuat terhadap Dokumen bagi Penerimaan (D/A) dan pembeli telah mengambil barangan.

## 10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

- ✓ Anda perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

## 11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pembayaran kemudahan, anda perlu menghubungi pihak Bank secepat mungkin untuk berbincang tentang pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi Bank di:-

### **Operasi Perdagangan**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 13, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086

Faks: 03-2782 1346

Atau

### **Perbankan Institusi Kumpulan**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 27, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: **(to be filled by our RM's)**

Tel: **(to be filled by our RM's)**

Faks: 03-2726 7818

E-mel: **(to be filled by our RM's)**

Atau

**Perbankan PKS**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 29, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: **(to be filled by our RM's)**

E-mel: [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my)

- ✓ Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-26 900 900

Faks: 03-2782 1337

E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan menyediakan perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,

Menara Bumiputra Commerce

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Tel: 603 -2616 7766

Faks: 603 -2616 7601

Laman web: [akpk.org.my](http://akpk.org.my)

- ✓ Jika Bank tidak memberikan penyelesaian yang memuaskan terhadap pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia,**

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

- ✓ Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, sila rujuk cawangan kami atau hubungi:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam,

No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 03-26 900 900

E-mel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

**13. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?**

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)
4. Surat Kredit-i
5. Surat Pemindahan Kredit-i
6. Jaminan Perkapalan-i
7. Jaminan Bank-i
8. Bil Penerimaan-i (Jualan)
9. Bil Penerimaan-i (Belian)
10. Bil Pertukaran Belian-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

**Nota:**

1. Perkara di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/atau caj mungkin berbeza dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank Islam.

2. Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah setakat 18/10/2023.

Pengesahan Terima oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: